

No. Rujukan : MDJ 500-3/1/1 ( 3 )  
Tarikh Iklan : 23 Februari 2021



Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon Bumiputera, Warganegara Malaysia (Keutamaan diberikan kepada anak Negeri Sembilan) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di **Majlis Daerah Jelebu, Negeri Sembilan Darul Khusus**.

**A. JAWATAN**

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)
1	Penolong Juruaudit	W29	Kewangan	Kontrak	1,498.00	5,678.00
2	Penolong Jurutera	JA29	Kejuruteraan	Kontrak	1,549.00	5,701.00
3	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	Kewangan	Kontrak	1,353.00	4,005.00
4.	Pemandu Kenderaan	H11	Kemahiran	Kontrak	1,218.00	2,939.00
5	Pembantu Awam	H11	Kemahiran	Kontrak	1,218.00	2,939.00

**B. SYARAT LANTIKAN**

**[1] PENOLONG JURUAUDIT W29**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

*(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau*

- (ii) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau*

- (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08); atau*

- (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2,001.68)*

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a)
    - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
    - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **[2] PENOLONG JURUTERA GRED JA29**

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya .  
  
*(Gaji permulaan ialah pada Gred JA 29: RM1549.00); atau*
    - (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf

*(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02)*

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### [3] PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.  
*(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau*
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
*(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40) atau*
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
*(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40) atau*
    - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
*(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); atau*
    - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
*(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80)*
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**[4] PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
  - (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan kepada calon yang memiliki lesen F/G)**

**[5] PEMBANTU AWAM GRED H11**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00)*

**(Syarat Tambahan :** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15)*

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### C. TARAF JAWATAN

Kontrak

### D. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.
- (b) Hanya permohonan yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- (c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.
- (d) Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan **salinan sijil-sijil yang diakui sah** dan mengikut susunan berikut :-
  - i) salinan kad pengenalan, sijil kelahiran
  - ii) salinan Sijil PT3/PMR/SRP/MCE/SPM/HSC/STPM/STAM/Diploma atau setaraf;
  - iii) salinan Sijil Politeknik atau setaraf;
  - iv) salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi permohonan jawatan Penolong Juruaudit W29 dan Penolong Jurutera JA29.  
(Semakan di google dengan menaip **eSisraf**)
  - (v) setiap pemohon **WAJIB** hadir dan menjalani semua ujian serta **LULUS** ujian yang ditetapkan sebelum boleh disenarai pendek bagi menghadiri temuduga.
  - (vi) bagi pemohon yang beragama islam boleh membaca Al-Quran

### E. PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Jelebu yang boleh dimuat turun dari laman web Majlis Daerah Jelebu: <http://www.mdjelebu.gov.my>.

### F. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Mac 2021**.

### G. ALAMAT JABATAN

Permohonan hendaklah dihantar di alamat berikut :-

**MAJLIS DAERAH JELEBU,  
WISMA MDJ,  
JALAN SIMPANG PERTANG,  
71600 KUALA KLawang,  
NEGERI SEMBILAN.**

